

# Pemimpin pekerja perlu bersikap sederhana

BM 13 DEC 1992

KUALA LUMPUR, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemimpin kesatuan sekerja mengekalkan sikap kesederhanaan kerana ia menjadi punca kejayaan negara seperti sekarang.

Beliau berkata, rakyat boleh berbangga dengan kejayaan negara selain ia menjadi contoh dan rujukan oleh banyak negara luar.

Menurut Perdana Menteri, walaupun gaji pekerja negara ini tidak setanding dengan negara Eropah tetapi kerajaan berpuashati kerana taraf hidup rakyat lebih baik.

Berucap melancarkan struktur baru Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) di sini semalam, Dr Mahathir berkata, kesederhanaan rakyat juga menjamin kestabilan politik di negara ini dan sekaligus membawa pembangunan pesat di bidang ekonomi.

Beliau juga mengingatkan pekerja di negara ini jangan menuntut kenaikan gaji sehingga menyebabkan negara tidak dapat bersaing dengan negara lain.

Sebaliknya, kenaikan gaji boleh dilakukan tetapi ia seharusnya diikuti dengan peningkatan pro-

duktivi di kalangan pekerja.

Dr Mahathir berkata barangan daripada beberapa negara Eropah kini merosot dan tidak boleh dieksport kerana tidak dapat bersaing dengan ne ara lain disebabkan oleh kenaikan gaji dan tambang.

"Apabila berlaku kenaikan tambang, harga barang akan meningkat dan memberi kesan kepada barangan eksport," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mahmud Taib, mengakui Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) yang sudah lama diwujudkan tidak berfungsi dengan begitu memuaskan sebagai forum perbincangan di antara pekerja dengan pengurusan.

Katanya, masih ada beberapa kekurangan dan kelemahan, terutama di segi penyertaan dan pembabitatan pegawai serta penyertaan kesatuan sekerja dalam sektor awam.

Berikutan itu, JPA sedang merangka satu pelan induk yang akan mengandungi senarai kegiatan dalam usaha memperkembangkan lagi perjalanan mesyuarat MBK.